

Pulau Pinang kluster HFMD keempat tertinggi

GEORGETOWN- Pulau Pinang merekodkan 4,263 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) sepanjang dari minggu epidemiologi pertama hingga minggu ke-23 iaitu peningkatan sebanyak 32 kali ganda berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Pada 2021 ketika negara dilanda pandemik Covid-19, sebanyak 176 kes direkodkan dalam tempoh yang sama.

Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Norlela Ariffin berkata, daerah Barat Daya mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 1,069 tahun ini berbanding 50 kes pada tahun lalu.

Katanya, ia diikuti Seberang Perai Tengah dengan 896 kes berbanding 54 kes dan Seberang Perai Utara dengan 880 kes berbanding 20 kes pada tahun lalu.

“Daerah Timur Laut mencatatkan 851 kes pada tahun ini berbanding 46 kes tahun lalu manakala Seberang Perai Selatan dengan 567 kes berbanding lapan.

“Pulau Pinang kini kluster HFMD keempat tertinggi di seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada tahun 2018, Pulau Pinang merekodkan satu kematian akibat HFMD.

Norlela berkata, sehingga Sabtu lalu, 120 premis yang mempunyai kes HFMD telah diarah tutup.

Sehingga Sabtu minggu lalu, sebanyak 82,846 kes HFMD dilaporkan, peningkatan 32 kali ganda berbanding tempoh sama 2021.



NORLELA